



Rujukan kami: SKCACKK.100-1/5/1(72)
Tarikh: 16 MAC 2022

Para ibu bapa / penjaga yang dihormati,

MAKLUMAN PEMBUKAAN SEKOLAH PENGGAL 1 SESI 2022/2023

Berdasarkan Takwim Persekolahan Tahun 2022/2023, tarikh pembukaan sesi sekolah penggal 1 adalah bermula pada 21 March 2022 (Isnin). Semua murid prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tahun 6 serta semua murid bawah program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) perlu hadir ke sekolah secara bersemuka tanpa penggiliran. Murid-murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 pula adalah hadir secara penggiliran dengan Kumpulan A dan B yang ditetapkan.

02. Berikut adalah Jadual Persekolahan Penggal 1 bagi murid Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5 :

Minggu	Tarikh	Kumpulan
1	21/03 – 25/03	A
2	28/03 – 01/04	B
3	04/04 – 08/04	A
4	11/04 – 15/04	B
5	18/04 – 22/04	A
6	25/04 – 29/04	B
7	02/05 – 06/05	CUTI HARI RAYA
8	09/05 – 13/05	A
9	16/05 – 20/05	B
10	23/05 – 27/05	A
11	30/05 – 03/06	B
12	06/06 – 10/06	CUTI PENGGAL 1

03. Ibu bapa / penjaga perlu memastikan kesihatan anak dalam keadaan baik sebelum menghantar anak ke sekolah. Ibu bapa hendaklah menyediakan pelitup muka dan pensanitasi tangan untuk anak. Pihak sekolah akan mengambil suhu badan murid di pintu utama sekolah dan kelas bagi memastikan anak tuan/puan berada dalam keadaan sihat untuk belajar. Jika suhu badan anak mencecah 37.5 °c , ibu bapa hendaklah membawa pulang anak atau mendapat rawatan segera.

04. Untuk makluman semua, pihak sekolah berinisiatif mengumpulkan maklumat awal berkaitan kehadiran murid ke sekolah. Diminta para ibu bapa / penjaga berikan kerjasama untuk mengisi borang soal selidik yang berbentuk Google Form melalui link yang disediakan :
<https://forms.gle/WxQ4oJxhEBfaW73n9> .

05. Sekiranya ibu bapa / penjaga tidak membenarkan anak-anak bersekolah, surat mohon cuti dengan sebab yang munasabah perlu disediakan dan hantar ke sekolah. Pihak sekolah telah menyediakan Contoh Surat Mohon Cuti dalam Link Soal Selidik dan juga Buku SOP sebagai rujukan semua. Buku SOP boleh dapati melalui link pautan : <https://anyflip.com/hjiaq/qwvi/> atau imbas QR Code di bawah.

Sekian. Harap maklum dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KITA JAGA KITA”



Buku SOP
SK (C) Anglo Chinese Kota Kinabalu

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Sun Fu'.

MOK SUN FU

Guru Besar
SK (C) Anglo Chinese,
Kota Kinabalu.